

Newspaper	Berita Harian
Date	15/08/2017C

Tiga remaja kena reman bantu siasatan

BH - 15/8/2017 Pg. 5
Shah Alam: Tiga remaja lelaki direman empat hari bermula semalam, bagi membantu siasatan insiden kekecohan forum 'Nothing to Hide 2.0' anjuran Armada Pemuda Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) di sini, kelmarin.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Raja Noor Adilla Raja Mahyaldin di Mahkamah Majistret di sini, semalam.

Siasatan dibuat mengikut Seksyen 15 (2) (d) Akta Perhimpunan Aman 2012, Seksyen 153 Kanun Keseksaan kerana melakukan provokasi dengan niat menyebabkan rusuhan dan Seksyen 8 Akta Bahan Letupan 1957.

Forum 'Nothing to Hide 2.0' itu menjadi kecoh ketika Pengerusi PPBM, Tun Dr Mahathir Mohamad, menjawab soalan berhubung tragedi Memali yang berlaku pada 1985.

Lebih ramai akan dipanggil

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Shafien Mamat, berkata pihaknya tidak menolak kemungkinan lebih ramai lagi akan dipanggil.

"Kami sedang meneliti rakaman video program itu. Setakat ini, kami mendapati hanya satu suar yang dinyala dan dibaling semalam (kelmarin).

"Ujian air kencing ketiga-tiga suspek adalah negatif, namun seorang daripada mereka iaitu suspek berusia 18 tahun ada rekod jenayah," katanya kepada *BH*.